

Docnan penuhi kehendak pelanggan


Kuasai pasaran dengan hasilkan 500 produk seperti pakaian, cenderamata

BIODATA

Nama: Dr Wan Hasnan Wan Idris
Umur: 35 tahun
Status: Berkahwin dengan Ayudalita Abdullah, 34, dan dikumiakan 7 anak
Kelulusan: Ijazah Doktor

Perubatan Veterinar (UPM)
Pengalaman berniaga: 8 tahun
Anugerah:
● Penyewa Terbaik Premis Perniagaan Mara

Peringkat Kelantan 2001
● Usahawan Muda Mara 2006 (Sektor Pembuatan) Peringkat Kelantan
● Usahawan Muda Mara (Sektor Pembuatan) 2007





WAN Hasnan (kiri) berurusan dengan pelanggan.



KAKITANGAN yang menjadi tulang belakang syarikat tekun bekerja.

NADIBIZ

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bharian.com.my

SEBAIK menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1997 dan berbekalkan Ijazah Doktor Perubatan Veterinar, beliau berhasrat membuka ladang ternakan lembu dan kambing di negeri kelahirannya, Kelantan,

kerana yakin pertanian mampu memberi pulangan lumayan terutama ketika kerajaan menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan.

Namun, menyedari bidang berkenaan memerlukan modal besar, Dr Wan Hasnan Wan Idris, 35, terpaksa memendamkan keinginan itu buat sementara waktu. Sebaliknya, beliau menceburi perniagaan menjual serunding daging di Kuala Lumpur atas alasan ia masih seiring dengan ilmu veterinar

yang dimilikinya.

Usaha niaga itu bagaimana-pun hanya bertahan beberapa bulan apabila beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Kelantan dan membuka kedai mencetak pakaian di rumahnya di Pengkalan Kubor, Tumpat dengan modal permulaan RM500.

Itu pengalaman awal dilalui Dr Wan Hasnan, 35, sebelum bergelar usahawan berjaya menerusi syarikatnya, Docnan Industries Sdn Bhd. Docnan yang beribu pejabat di Jalan

Pengkalan Chepa, Tanjong Mas, Kota Bharu, mempunyai dua cawangan termasuk di Tanah Merah serta pusat sulaman dan kilang menjahit pakaian di Pengkalan Chepa.

“Mula-mula dulu, saya berniaga dari rumah dengan mengambil upah mencetak pakaian pelajar sekolah, kolej dan universiti. Biasanya saya mendapat tempahan kecil-kecilan antara 20 hingga 30 helai t-shirt, ada juga yang tempah cuma sehelai baju... itu pun saya terima,” kata anak muda itu

“Mula-mula dulu, saya berniaga dari rumah dengan mengambil upah mencetak pakaian pelajar sekolah, kolej dan universiti”

Dr Wan Hasnan
Pengarah
Docnan Industries Sdn Bhd

yang pernah meraih Anugerah Usahawan Muda Mara bagi Sektor Pembuatan tahun lalu.

Docnan didaftarkan pada 17 April 2003 iaitu kesinambungan daripada Docnan M&M Enterprise yang memulakan operasinya pada akhir 1999. Docnan kini berkembang pesat dengan lebih 70 pekerja, selain dilengkapi peralatan dan mesin teknologi terkini.

Ia kini mengeluarkan lebih 500 produk termasuk pakaian, cenderamata, beg, alat tulis,encana, topi, barangan keper-



KEDAI cenderamata Decnan bertempat di Jalan Pengkalan Chepa.



WAN Hasnan memeriksa dan menunjuk ajar kakitangannya dalam menghasilkan produk terbaik.

luan sekolah, banner dan banting, di samping perkhidmatan sulaman berkomputer, silkscreen, pad printing, engraving dan percetakan digital.

Dr Wan Hasnan yang juga Pengarah Docnan berkata, pada mulanya langsung tidak tahu selok-belok perniagaan yang diceburinya kerana mempunyai latar belakang dalam bidang veterinar. Namun, kegigihan untuk berjaya membuatnya belajar sendiri menerusi pembacaan di internet serta tunjuk ajar dari mere-

ka yang lebih berpengalaman.

"Disebabkan modal yang kecil, saya mempromosikan produk di ekspo dan karnival yang dianjurkan pelbagai agensi kerajaan di Kelantan. Saya kemudian membeli mesin untuk menghasilkan butang lencana (button batch) berharga RM1,800 berbekalkan duit yang dipinjam daripada rakan dan keluarga," katanya.

Pada April 2000, beliau mengambil keputusan mencari tapak di Kota Bharu kerana memerlukan peluang yang lebih baik terutama dari segi pasaran dan potensi pelanggan.

Beliau menyewa kiosk kecil pada kadar RM30 sebulan di bangunan Mara, Jalan Datuk Pati, sebelum menyewa lot kedai di situ pada kadar RM190 sebulan.

Apabila perniagaan semakin berkembang, Dr Wan Hasnan mengambil keputusan memindahkan sepenuhnya operasi syarikat ke Kota Bharu pada 2001 kerana sukar berulang-alik setiap hari.

"Pada penghujung 2001, saya membuat pinjaman Mara sebanyak RM48,000 bagi mengembangkan perniagaan. Waktu itu tempahan semakin banyak tetapi saya masih mendapatkan baju dari pembekal di Kuala Lumpur, Melaka dan Pulau Pinang," katanya yang tidak mempunyai mesin dan terpaksa menghantarnya ke Kuala Lumpur.

Pada 2003, bapa kepada tujuh anak itu* mendapatkan pinjaman RM215,000 daripada Mara bagi dijadikan modal pusingan serta membeli mesin sulam pertama berharga RM115,000, selain membina dua lot kedai dan membesarkan kilang jahitan.

Selepas lapan tahun menjalankan perniagaan itu, lebih 500 produk keluaran Docnan bukan saja dijual di Kelantan, malah di seluruh negara termasuk menerima tempahan dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Negeri Sembilan.

Dr Wan Hasnan melahirkan keyakinan Docnan mampu mencapai sasaran jualan melebihi RM6 juta tahun ini, walaupun ketika negara berdepan ekonomi yang tidak menentu.

Beliau turut meletakkan sasaran menguasai pasaran Pantai Timur dengan membuka cawangan di Kuala Terengganu dan Kuantan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Saya yakin kombinasi kakitangan berpengalaman serta mesin terbaik mampu menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan, sekali gus akan memastikan Docnan muncul syarikat Bumiputera terbesar mengeluarkan pakaian, beg, cenderamata serta pusat sulaman berkomputer dan silkscreen di Pantai Timur," katanya.

INFO

● Docnan memulakan operasinya pada akhir 1999 secara kecil-kecilan di rumah di Pengkalan Kubor dan kini berkembang pesat dengan lebih 70 pekerja, selain dilengkapi peralatan dan mesin teknologi terkini.

● Kemudian menyewa kiosk kecil pada kadar RM30 sebulan di bangunan Mara, Jalan Datuk Pati, sebelum menyewa lot kedai di situ pada kadar RM190 sebulan.

● Produk yang dihasilkan termasuk t-shirt, kemeja, beg, cenderamata, perkhidmatan sulaman berkomputer, tali leher, silkscreen, pad printing, laser engraving, inkjet dan percetakan digital.

● Bagi pengeluaran t-shirt saja, secara purata terima tempahan 15,000 helai setiap bulan, manakala alat tulis mendapat sambutan sebelum sesi baru persekolahan bermula.

● Ibu pejabat di 352, Simpang Tiga Tanjong Mas, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Dua cawangan di Taman Uda Murni, Jalan Pengkalan Chepa dan Jalan Jedok, Tanah Merah serta mempunyai kilang Kawasan Industri Mara Fasa II, Jalan Padang Tembak, Kota Bharu.



WAN Hasnan (depan kiri) bersama sebahagian kakitangan yang menjadi tulang belakang syarikatnya.